

Headline **Mengenal nilai agama, budaya serta identiti diri**
Date **10 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **16**
Article Size **422 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **11,952**
PRValue **35,855**



Mengenal nilai agama, budaya serta identiti diri

Orang Melayu patut menangkis sifat hak asasi ciptaan Barat

BEBERAPA minggu lalu dalam ruangan ini saya menulis mengenai nilai yang perlu ada dalam sesuatu perkara berkaitan hak asasi. Saya katakan, sesuatu itu hanya boleh diterima sebagai hak asasi sekiranya ia tidak bertentangan dengan nilai agama dan budaya serta amalan di negara ini.

Penilaian itu dibuat kerana pada pengamatan saya, sesuatu yang dikatakan hak asasi itu, walaupun mempunyai nilai sejagat, tidak semestinya sentiasa sepadan dengan nilai yang diamalkan di sini atau identiti yang menjadi ciri utama masyarakat ini.

Ditambah lagi dengan hakikat bahawa tidak ada kata sepakat mengenai skop atau ruang lingkup hak asasi. Oleh itu, pada saya, sistem nilai hendaklah sentiasa dijadikan teras di dalam menentukan sifat sesuatu hak asasi itu.

Perlu juga saya jelaskan bahawa sistem nilai dan identiti atau ciri utama masyarakat ini bukan saja perlu diberi perhatian dalam perkara berkaitan hak asasi, tetapi kedua-duanya amat perlu dalam menentukan cara kehidupan masyarakat dan juga sistem pentadbiran negara seumpama demokrasi.

Walaupun pada kerangkanya amat jelas sekali kehendak kita semua untuk menerima sistem nilai itu, hakikatnya kita masih lagi dalam proses mencari-cari nilai sebenar atau identiti terbabit. Maksud 'mencari-cari' di sini ialah suatu keadaan di mana istilah seperti hak asasi dan demokrasi sedang dicari bentuk daripada pemahaman sebelum ini dengan menuju kepada pemahaman yang baru.

Kita seolah-olah masih mencari hala tuju dalam hal hak asasi dan demokrasi ini dengan mengambil kira pengalaman dan amalan di tempat lain ketika kita mahu menentukan nilai dan identiti kita.

Sebelum mencari apa yang baru atau merujuk kepada amalan di tempat lain, pada saya, adalah amat perlu bagi setiap kita untuk mengenali apakah nilai yang tertanam di dalam jiwa dan raga kita. Persoalannya, adakah kita sebenarnya mengenali nilai dan identiti sebenar kita?

Persoalan ini perlu dijawab dengan positif. Sekiranya tidak, atau kita gagal

Headline **Mengenal nilai agama, budaya serta identiti diri**
Date **10 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **16**
Article Size **422 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **11,952**
PRValue **35,855**

mengenal nilai itu, kita juga sudah pasti akan gagal memahami sama ada nilai atau identiti itu wujud atau pun tidak. Kita juga akan gagal meyakini kebaikan nilai atau kejutuan identiti kita sendiri.

Puratanya ramai antara kita mempunyai pengetahuan agak cetek mengenai diri sendiri. Adakalanya kita enggan mengenali, ada kalanya cuba untuk mengenali, tetapi gagal atas alasan hanya kita saja yang tahu, malah ada kalanya (sebenarnya dalam banyak ketika) kita mengambil mudah mengenai diri sendiri. Ditambah pula dengan arus globalisasi mengenai nilai sejagat yang deras menjadikan kita tidak keruan dan mudah dipengaruhi nilai asing.

Secara ringkasnya, pada saya, keadaan mencari-cari nilai dan identiti ini berlaku akibat daripada kedangkalan ilmu mengenai diri sendiri. Kedangkalan ilmu mengenai diri sendiri menyumbang kepada lunturnya jati diri.

Kelunturan ini mengakibatkan kelemahan dan sifat mudah menerima saja apa yang datang tanpa dapat menilai atau menimbang menggunakan piawain yang ada dalam nilai dan identiti sendiri.

Akibat kedangkalan ilmu mengenai diri sendiri juga menjadikan tindak balas yang kita berikan kepada perkembangan dunia sekarang tidak berkesan dan juga agak terbatas.

Nilai yang kita ada perlu diperteguhkan menerusi kepercayaan kepada diri sendiri dan jangan sesekali hilang keyakinan kepada diri sendiri dengan melihat apa yang ada pada orang lain lebih baik daripada yang kita punyai tanpa menghargai kebaikan dan kelebihan diri sendiri.

Perkembangan terbaru mengenai hak asasi di dalam dunia moden tanpa sempadan ini sebenarnya menghakis nilai mulia yang ada di dalam agama dan budaya. Sifat hak asasi ciptaan

Barat ini lebih mementingkan diri sendiri dan mengajar masyarakat lebih mengutamakan diri sendiri tanpa menghiraukan nilai yang sudah lama tertanam di dalam jiwa dan raga kita.

Sudah terserlah juga bahawa orang luar sebenarnya sedang mengajar kita apa sebenarnya nilai agama dan budaya yang kita ada. Mereka juga, atas alasan sejagat atau universal, cuba merubah jati diri kita.

Keadaan ini tidak harus berlaku. Kita hendaklah memahami dan mendalami apa yang kita ada tanpa disusun atur oleh orang lain mengenai kepercayaan dan keimanan kita. Saya tidak bermaksud untuk menyuruh pembaca menutup mata dan telinga mengenai apa yang berlaku di keliling kita atau membentuk sifat enggan mendengar.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah, kita harus mengenali diri kita, memahami agama kita, mencari dan mempertahankan kekuatan kita serta berpegang dan berpaut pada nilai yang ada tanpa menunggu orang lain mengajar kepada kita nilai kita sendiri.

Selain itu, kita bukan saja harus mengukuhkan nilai dan menegaskan identiti diri sendiri, tetapi pada masa sama, kita juga harus belajar mengenai nilai lain. Ini membolehkan kita memahami dan menghargai kekuatan yang ada dengan lebih bermakna.

Dalam melakukan ini, kita haruslah dapat mencipta pautan yang jelas dan kukuh mengenai kelebihan yang ada dalam diri kita. Proses 'mencari-cari' yang saya sebut akan berakhir sekiranya kita dapat mengenali diri sendiri tanpa diajar dan diatur oleh orang lain.

Ini akan hanya dapat dicapai dengan ilmu dan budaya mengenali diri sendiri, serta meyakini kebaikan nilai dan kekuatan identiti diri sendiri. Masyarakat Melayu yang sudah dapat mengekalkan tamadunya selama beribu-ribu tahun tidak seharusnya membiarkan saja sebarang angkara yang boleh

meruntuhkan nilai dan identitinya secara sewenang-wenang.

Penulis ialah pensyarah
Kulliyah Ahmad Ibrahim, UIAM

“ *Nilai yang kita ada perlu diperteguhkan menerusi kepercayaan kepada diri sendiri dan jangan sesekali hilang keyakinan kepada diri sendiri dengan melihat apa yang ada pada orang lain lebih baik daripada yang kita punyai tanpa menghargai kebaikan dan kelebihan diri sendiri”*

“ *Ini akan hanya dapat dicapai dengan ilmu dan budaya mengenali diri sendiri, serta meyakini kebaikan nilai dan kekuatan identiti diri sendiri”*

